

03/03/1998

Bergabung turunkan kadar faedah

Kadir Dikoh; Kamal Ahmad; Faizal Fadzil

PENGGABUNGAN di kalangan sektor perbankan untuk menjadi entiti lebih besar dijangka berupaya menurunkan kadar faedah yang agak tinggi sekarang sehingga memeritkan perniagaan terutama yang terpaksa membuat pinjaman bank.

Pengerusi merangkap ketua eksekutif Kumpulan SungeiWay, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah, berkata kebanyakan syarikat perlu membuat pinjaman kerana mereka tidak boleh terlalu bergantung kepada dana pemegang saham untuk memperluaskan perniagaan.

"Sebelum ini, ketika ekonomi negara sihat, bank mengaut banyak wang daripada sektor swasta dan kini berikutan kegawatan ekonomi, saya percaya bank boleh membantu dengan menurunkan kadar faedah.

"Jika kadar faedah terus tinggi, saya bimbang banyak syarikat terpaksa ditutup khususnya yang membuat banyak pinjaman bank," katanya pada Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan 1998 di Petaling Jaya, semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan ceramah bertajuk 'Fungsi sektor swasta dalam menangani kemelut ekonomi negara' pada majlis itu yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Cheah dalam ceramahnya itu antara lain berkata, sektor swasta memerlukan perkongsian pintar dengan bank dan pihak berkuasa kerap menyatakan bahawa sistem perbankan negara masih mantap, dan dengan itu keyakinan terhadap bank perlu sentiasa wujud.

Katanya, sementara sektor swasta memahami langkah berhemat bank, bank pula tidak harus bertindak keterlaluhan dengan menarik balik sokongan daripada syarikat yang mantap serta diuruskan dengan baik.

Beliau berkata, tindakan itu boleh menggagalkan syarikat terbabit yang boleh mengheret negara kepada kemelesetan.

"Memang kita faham mengenai pentingnya mengekalkan kadar faedah tinggi apabila kecairan (dalam sistem) ketat dan apabila ringgit memerlukan sokongan. Kita berharap ini sebagai langkah sementara.

"Kadar faedah tinggi secara berterusan akan menyebabkan perniagaan tempatan kehilangan daya saing dan ini boleh menyebabkan kemelesetan yang harus kita elakkan," katanya.

Cheah berkata, mungkin berdasarkan hakikat itu kerajaan mendesak bank supaya bergabung dengan harapan mereka dapat menurunkan kadar faedah.

Ditanya kemudiannya mengenai ringgit, beliau berkata ia memang berada di bawah paras yang sepatutnya dan berharap penduduk tempatan tidak terlalu bimbang dengan keadaan itu dengan enggan membuat simpanan di bank.

"Namun, ringgit kita pula tidak boleh berada di takuk lama iaitu RM2.50 berbanding satu dolar Amerika kerana ia akan hilang daya saing di peringkat serantau memandangkan mata wang serantau lain turut susut.

"Paras sebenar dan lebih selesa berdasarkan keadaan sekarang ialah untuk ringgit berada di tahap sekitar RM3 berbanding dolar Amerika, supaya kita lebih berdaya saing," katanya.

(END)